



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)
DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH
(MINISTRY OF HUMAN RESOURCES)
ARAS 2, 3 & 4, BLOK D3, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 W.P. PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 5343
Fax : 03-8889 2443
Web : www.dosh.gov.my
Email : jkkp@mohr.gov.my

Ruj. Tuan : PFE/JKKP-L/0921/2010
Ruj. Kami : JKKP IS 127/682/1- 480
Tarikh : 29 April 2011

Pengurus
POLYFINE ENGINEERING SDN BHD.
Lot 135, Batu 1,
Jalan Yong Peng,
85300 Labis,
Johor.

Tuan,
Pembaharuan Pendaftaran Sebagai Syarikat Pembaikpulih Dandang Stim Dan Pengandung Tekanan Tak Berapi

No. Pendaftaran : BT 21/480
Tempoh Kelulusan : 25/04/ 2011 hingga 24/04/ 2013

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada permohonan tuan berhubung dengan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini meluluskan permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat tuan sebagai **Syarikat Pembaikpulih Dandang Stim dan Pengandung Tekanan Tak Berapi**.
3. Kelulusan pembaharuan pendaftaran ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:-
 - i. Jabatan ini hendaklah diberitahu sekiranya terdapat sebarang pertukaran, tambahan atau pemindahan pada nama syarikat, alamat, jentera dan pegawai teknikal. Jabatan ini boleh membatalkan pendaftaran ini jika tidak dimaklumkan dengan segera.
 - ii. Sebelum kerja-kerja baikpulih dandang stim dan pengandung tekanan tak berapi boleh dijalankan, pihak tuan hendaklah mendapatkan kelulusan prosedur baikpulih dandang stim dan pengandung tekanan tak berapi daripada Jabatan ini terlebih dahulu.
 - iii. Segala prosedur kerja – kerja baikpulih dandang stim dan pengandung tekanan tak berapi mestilah mengikut seperti apa yang dinyatakan di dalam 'Quality Control Manual' yang telah dihantar ke Jabatan ini.
 - iv. Semua kerja-kerja kimpalan hendaklah dibuat oleh pengimpal syarikat tuan mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan (Welding Procedure Specification) yang diluluskan oleh Badan Kuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini. Semua kerja-kerja kimpalan juga perlu dijalankan di bawah penyeliaan dan kawalan yang rapi oleh pihak kawalan mutu tuan sendiri dan semua rekod-rekod kimpalan mestilah disimpan dengan baik.
 - v. Pihak tuan juga dikehendaki mengambil perhatian terhadap rekod kerja setiap projek yang dijalankan. Antaranya termasuk:-

(Sila nyatakan rujukan fail apabila menjawab surat ini)

- a. Rekod Spesifikasi Tatacara Kimpalan (WPS)
- b. Rekod Ujian Kelayakan Pengimpal (WQT)
- c. Rekod Kimpalan Ke Atas Pengandung Tekanan Tak Berapi dan Dandang Stim (Kej. 175A)
- d. Rekod Pengurusan Keselamatan

Semua rekod ini perlu disimpan dengan baik bagi tujuan semakan dan rekod Jabatan ini. Semua rekod ini perlu dihantar ke Jabatan ini semasa membuat permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat dengan Jabatan ini.

- vi. Semua kerja – kerja baikpulih dandang stim dan pengandung tekanan tak berapi hendaklah dibuat di premis yang beralamat seperti di bawah :-

**Lot 135, Batu 1,
Jalan Yong Peng,
85300 Labis.
Johor.**

atau di tempat pemilik dandang stim dan pengandung tekanan tak berapi tersebut.

- vii. Pihak tuan mestilah mematuhi kehendak-kehendak Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa khasnya keselamatan dan kesihatan pekerja tuan dan orang awam yang boleh terjejas oleh kerja – kerja pihak tuan.

4. Pihak tuan perlu memohon pembaharuan pendaftaran dengan Jabatan ini **sekurang – kurangnya tiga (3) bulan** sebelum tarikh tamat tempoh kelulusan.


5. Kelulusan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa diberi sebarang sebab oleh **Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia** sekiranya syarat-syarat di atas dan lain-lain syarat Jabatan ini tidak dipatuhi.

6. Sekiranya pihak tuan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat seperti di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(**DATO' IR. DR. JOHARI BIN BASRI**)
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia.

s.k : Semua Pengarah Negeri
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Fail Timbul